

**Kelab Putera 1Malaysia Tumpu Bantuan Dalam Negara
Bernama
23 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Kelab Putera 1Malaysia menanggung misi bantuan kemanusiaan ke luar negara bagi memberi tumpuan di dalam negara khususnya kepada mangsa banjir dalam masa terdekat ini.

Presidennya Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata misi bantuan dalam negara diberi keutamaan dan didahulukan berbanding misi bantuan ke luar negara seperti ke Pakistan, Thailand dan Somalia.

"Setakat ini kita dimaklumkan keadaan di kawasan penempatan banjir terkawal dan mangsa banjir berkurangan, namun kita bersedia untuk misi bantuan berupa pakaian, makanan dan pemeriksaan kesihatan," katanya kepada pemberita selepas melawat pesakit barah hidung, Zakaria Awang, 72, di Hospital Kuala Lumpur Jumaat.

Azeez berkata 11 buah ambulans milik kelab itu boleh digunakan untuk dikerahkan ke kawasan banjir dan kawasan berisiko banjir jika jumlah mangsa banjir meningkat.

Kelab Putera 1Malaysia juga sudah menyediakan bilik gerakan yang beroperasi 24 jam di Kampung Attap di sini bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir.

Terdahulu beliau bersama-sama penghibur veteran, Datuk Irwan Shah Abdullah atau lebih dikenali sebagai DJ Dave melawat Zakaria, yang juga peniaga buah-buahan, yang telah menghidap penyakit barah hidung sejak dua tahun lepas.

Zakaria dari Kampung Rambong Batu Tujuh, Baling, menderita barah hidung dan kesakitan apabila ketumbuhan kecil dalam hidung merebak ke bahagian muka dan memerlukan rawatan termasuk kimoterapi dan juga pembedahan plastik.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636219>